

Unsur Anatomi dalam Kumpulan Puisi Parabel Tubuh

Anatomical Elements in the Group of Parabel Tubuh Poems

RABIATUL NUR NAAJWA HASSAN, ARBA'IE SUJUD & RAHIMAH HAMDAN

ABSTRAK

Parabel Tubuh ialah karya sastera yang menyatukan dua disiplin ilmu iaitu sains dan sastera. Kumpulan puisi *Parabel Tubuh* (2018) merupakan karya Taufiq Roslan yang memiliki latar belakang dalam jurusan Sains Pertuturan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Kecintaan beliau terhadap bidang sains dan sastera ini dijelmakan dalam bentuk puisi. *Parabel Tubuh* memperkenalkan konsep anatomi dalam menyampaikan isu puisinya. Unsur-unsur anatomi dalam *Parabel Tubuh* mendominasi pengucapan puisinya dan mempamerkan keindahan. Permasalahan kajian ini bertitik tolak daripada bagaimana penulis berlatar bidang sains mengaplikasikan unsur anatomi dalam karya. Oleh itu, kajian ini menetapkan dua objektif kajian iaitu mengenal pasti unsur-unsur anatomi yang terdapat dalam kumpulan puisi *Parabel Tubuh* dan menganalisis unsur-unsur anatomi berdasarkan perspektif estetika. Kajian ini menggunakan kaedah analisis teks dan membataskan puisi yang melibatkan struktur anatomi tubuh manusia sahaja. Analisis dan dapatan kajian mendapatkan bahawa unsur-unsur anatomi yang diketengahkan ialah mata, jantung, tubuh, otak, gigi, telinga, dan lidah sebagai konsep idea. Unsur anatomi yang digunakan ini mampu meninggalkan kesan keindahan dalam penyampaian puisinya sekali gus mempamerkan dinamik dari sudut gaya penyampaian puisi. Kajian ini diharap dapat memperkayakan sumber dokumentasi sastera.

Kata kunci: *Unsur Anatomi; Puisi; Parabel Tubuh*

ABSTRACT

The Parabel Tubuh is a literary work that unites two scientific fields, namely science and literature. The poetry of *Parabel Tubuh* (2018) is the work of Taufiq Roslan, who has a background in Speech Science at Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). His love for science and literature is embodied in the form of poetry. *Parabel Tubuh* introduces the concept of anatomy in conveying the issue of poetry. The anatomical elements in the *Parabel Tubuh* dominate the enunciation of his poetry and exhibit beauty. The problem of this study is based on how writers with a background in science apply anatomical elements in their work. Therefore, this study sets two research objectives, which are to identify the anatomical elements found in the *Parabel Tubuh* poetry collection and to analyze the anatomical elements based on an aesthetic perspective. This study uses the method of text analysis and limits poetry that involves the anatomical structure of the human body only. The analysis and findings of the study found that the anatomical elements highlighted our eyes, heart, body, brain, teeth, ears, and tongue as concepts of ideas. The anatomical elements used can leave an impression of beauty in the delivery of his poetry. At the same time, exhibiting dynamics from the point of view of poetry delivery style. This study hopes to enrich the source of literary documentation.

Keywords: *Anatomical Elements; Poetry; Parabel Tubuh*

PENGENALAN

Parabel Tubuh ialah karya sastera yang menyatukan dua disiplin ilmu iaitu sains dan sastera. Kumpulan puisi *Parabel Tubuh* karya Taufiq Roslan diterbitkan oleh penerbit Kata-Pilar pada tahun 2018. Taufiq hadir daripada latar belakang jurusan Sains Pertuturan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Kecintaan beliau terhadap bidang sains dan sastera dijelmakan

dalam bentuk puisi yang berunsur sains. Pengetahuan sains yang dimiliki tersebut, dimanfaatkan sebaik mungkin iaitu dengan mengetengahkan konsep sains sebagai teknik dalam pengucapan idea puisi. *Parabel Tubuh* dilihat mempunyai gaya penyampaian yang tersendiri. Pada tahun 2018, kumpulan puisi *Parabel Tubuh* telah memenangi Finalis Sayembara Kata-Pilar.

Menurut Laporan Hakim Sayembara Puisi Kata-Pilar 1.0 (2018), keluarbiasaan Parabel Tubuh ialah penggunaan istilah saintifik yang tidak membekukan estetika puisinya. Manuskrip Parabel Tubuh ini berjaya menggabungkan dua kutub kata iaitu kata saintifik dan kata sastera dalam pengucapan puisinya (Laporan Hakim Sayembara Puisi Kata-Pilar 1.0 2018). Disebutkan lagi keunikan manuskrip ini, apabila mengaplikasikan konsep sains berkaitan perubatan, anatomi dan psikiatri sebagai perbandingan dalam menyampaikan isu. Kebanyakan puisi yang menggunakan jargon sains terlihat janggal dan memaksa, namun kumpulan puisi Parabel Tubuh dilihat sangat menguasai ranah sainsnya (Laporan Hakim Sayembara Puisi Kata-Pilar 1.0 2018). Kemampuan manuskrip ini juga dilihat mempunyai gaya tersendiri dengan kekuatan kepenyairan yang sangat berbeza. Walaupun Parabel Tubuh memiliki pelbagai keunikan seperti yang dijelaskan, namun konsep anatomi yang diaplikasi terlihat begitu ketara serta dapat disampaikan dengan halus dan berkesan.

Penggunaan unsur anatomi mendominasi pengucapan puisi dalam Parabel Tubuh. Dengan mengetengahkan anatomi sebagai konsep, idea-idea tersebut dapat disampaikan dengan baik, berkesan serta mampu meninggalkan kesan keindahan dalam puisi. Anatomi dalam konteks kajian ini, sebagai ilmu yang berkait dengan struktur tubuh atau bahagian-bahagian tubuh manusia. Dalam konteks kajian ini, anatomi dilihat sebagai konsep idea dalam pembikinan puisinya. Penulis (Taufiq) mengaplikasikan anatomi tubuh manusia sebagai teknik untuk menyampaikan isu dan ideanya. Menurut Ramzah Dambul (2021), nuansa sains yang bersifat objektif dan sistematik boleh diintegrasikan dalam proses kreatif melalui teknik penyusunan dan pengolahan idea.

Justeru itu, kajian ini akan meneliti apakah unsur-unsur anatomi yang terkandung dalam kumpulan puisi Parabel Tubuh dan bagaimanakah unsur-unsur anatomi ini dapat memamerkan keindahan dalam puisi-puisinya. Walaupun Parabel Tubuh banyak mengaitkan sains dari pelbagai sudut tema, konsep, ilmu sains, fakta dan istilah saintifik tetapi fokus kajian ini hanya tertumpu dan membincangkan penggunaan unsur anatomi yang dijelaskan dalam puisinya. Hal ini dikatakan demikian kerana, unsur anatomi yang diterapkan dalam puisi dilihat sangat ketara. Dengan adanya kepelbagaiannya penelitian kajian terhadap karya-karya sastera ini, sedikit sebanyak memperkayakan dokumentasi sastera.

Hal ini dikatakan demikian kerana, setiap karya sastera tidak berhasil dalam keadaan kosong semata-mata. Karya-karya sastera yang dihasilkan pasti mempunyai makna tertentu sesuai dengan hasrat penulisnya.

SOROTAN KAJIAN

Penelitian sorotan dalam kajian ini bermula dari tahun 2017 hingga tahun terkini 2023. Sorotan-sorotan mutakhir ini bertujuan untuk memastikan kajian lebih relevan. Sumber sorotan pula diperolehi daripada tesis, jurnal, akhbar Berita Harian dan majalah Dewan Sastera. Pengamatan sorotan melibatkan kajian yang berkait dengan kepelbagaiannya unsur, kajian anatomi dan kajian sains dalam sastera. Kajian tentang ‘unsur’ dalam sastera, sudah banyak diteliti dari sudut yang pelbagai. Kajian yang berkait dengan anatomi dan sains juga sudah ada dibincangkan.

Perbincangan ini dimulakan dengan meneliti kajian tentang ‘unsur’ dalam sastera oleh Nabilah Mohd Nasir, Ghazali Din dan Abdul Razak (2020) yang bertajuk Unsur Kosmos dalam Kumpulan Puisi Selamat Pulang Juita karya Muhammad Haji Salleh. Objektif penulisan tersebut adalah untuk membincangkan kepengarangan Muhammad Haji Salleh. Dalam perbincangan kajian, unsur kosmos mendominasi penghasilan puisi Muhammad Haji Salleh. Dengan menetapkan dua objektif iaitu mengenal pasti unsur kosmos dalam kumpulan puisi Selamat Pulang, Juita dan mendiskusi unsur kosmos berdasarkan teori konseptual kata kunci. Kajian ini juga menggunakan kaedah kualitatif dan membataskan kumpulan puisi Selamat Pulang, Juita. Analisis perbincangan kajian ini menunjukkan sebanyak 40 buah puisi berjaya dikesan memiliki unsur kosmos. Kajian ini juga mendapati bahawa kumpulan puisi Selamat Jalan Pulang, Juita mempunyai konseptualisasi yang begitu unik. Penelitian kajian ini lebih berfokus kepada unsur kosmos.

Kemudian, penelitian kajian ‘unsur’ dalam sastera juga ditemukan dalam tulisan Frankie Latiti (2022) berjudul Unsur Perubatan Tradisional dalam Novel Penulis Sarawak. Beberapa novel yang dipetik dalam kajian, mengangkat tentang ilmu perubatan tradisional. Adanya penerapan unsur-unsur perubatan tradisional dalam novel karya penulis Sarawak menerusi tiga buah novel terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka iaitu Acang Merpati karya Shield Sahran (2018), Jejak Hilang yang

Pulang oleh Abang Median Abang Said (2020) dan Anak Kejaman Long Segaham oleh Dahiri Saini (2017). Ketiga-tiga novel ini mengangkat tentang kearifan tempatan dengan memasukkan unsur perubatan tradisional dalam karya sastera. Unsur-unsur perubatan tradisional yang diangkat menjadi tema atau unsur kreatif oleh penulis Sarawak. Masyarakat Melayu dahulu memanfaatkan flora dan fauna untuk mengubati penyakit tentang kaedah perubatan seperti yang ditemui dalam karya fiksyen Detik-Detik Diri di Daerah Daif, Ranjau Sepanjang Jalan, Seorang Tua di Kaki Gunung, Srengenge, Sulalatus Salatin, Hikayat Seri Kelantan dan Harga Sebuah Maruah. Walaupun kajian ini melibatkan genre novel, tetapi adanya kepelbagaiannya dalam sastera dari sudut ‘unsur perubatan’.

Beralih pula kepada jurnal Rosnani Md Zain dan Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi, berjudul Unsur Sains dan Sastera dalam Novel Remaja Terpilih (2019). Penelitian kajian ini juga melibatkan penelitian ‘unsur’ tetapi dari sudut sains dalam sastera. Kajian Rosnani dan Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi memfokuskan unsur sains dan unsur sastera dalam novel. Permasalahan kajian tercetus daripada perspektif negatif penulis, pembaca dan pengkritik sastera terhadap novel remaja berunsur sains tidak mempamerkan fakta sains dan mengabaikan nilai sastera. Oleh hal yang demikian, kajian ini ingin meneliti unsur sains dan sastera dalam novel Tawanan Komander Caucasus (2010) karya Ruzaini Yahya dan Novel Di Sebalik Dinara (2012) karya Dayang Noor. Perbincangan kajian mendapatkan bahawa unsur sains yang terjelma ialah sains gunaan dan sains zoologi, manakala unsur sastera pula seperti nilai-nilai murni, pemikiran, emosi, dan gaya bahasa. Kajian ini sekali gus menangkis dakwaan negatif tersebut. Jelas, dapat dilihat, penelitian yang melibatkan ‘unsur sains’ juga sudah dilakukan.

Seterusnya, pengkaji turut menemukan penelitian kajian tentang anatomi dalam sastera. Tesis PhD, Noor Hasnoor Mohamad Nor (2017), berjudul Metafora anatomi dalam bahasa Melayu. Secara umumnya, kajian ini tidak melibatkan bidang sains tetapi penelitian kajian ada mengaitkan aspek anatomi manusia. Kajian yang memfokuskan genre pantun ini melihat sisi metafora yang melibatkan anatomi. Metafora anatomi ini diteliti dalam Karya Agung Pantun Melayu: Pantun Melayu Bingkisan Permata (2001) terbitan Yayasan Karyawan dan buku pantun Kurik Kundi Merah Saga (2005) terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai bahan

kajian. Kajian bertujuan mengenal pasti metafora anatomi, mengkaji bahagian tertentu anatomi yang memberikan makna metafora yang khusus dan menganalisis metafora dan jenis-jenis makna. Kajian ini mengaplikasikan Teori Medan Makna untuk mengenal pasti leksikal. Kajian ini mendapat bahawa unsur anatomi sebagai sumber medan makna dalam pantun. Setiap bahagian anatomi yang terdapat dalam pantun mempunyai makna tersendiri. Walaupun kajian ini memfokuskan genre puisi tradisional pantun, namun adanya penelitian yang mengaitkan sudut anatomi.

Kemudian, tulisan dan perbincangan yang menyentuh tentang ‘sains’ dalam sastera turut ditemukan menerusi tulisan Nazmi Yaakub (2017) dalam Berita Harian, berjudul Kumpulan Puisi Cikgu Biologi Sarat Istilah Sains. Tulisan ini mengaitkan adanya penerapan sains dalam puisi. Nazmi Yaakub mengatakan bahawa kumpulan puisi Tentang Hati karya Ramlan Abd. Wahab sarat dengan fakta. Hal ini dikatakan sedemikian, adanya penerapan elemen saintifik dalam penghasilan puisinya. Tambahan pula, kumpulan puisi Tentang Hati juga sarat dengan istilah biologi yang sudah tentunya memberi sedikit kejanggalan kepada pembaca puisi yang sukar memahami istilah biologi. Justeru itu, pembaca sastera perlu bersikap terbuka terhadap eksperimen dan pembaharuan yang diaplikasikan dalam kumpulan puisi ini. Sekali gus, memberi ruang kepada kumpulan puisi Tentang Hati, memperlihatkan bagaimana fakta atau istilah sains yang diterapkan berhubung dengan elemen kemanusiaan dan sastera. Setidaknya, kumpulan puisi ini menjelaskan dinamik dalam ranah puisi yang mempamerkan sisi gabungan dua disiplin ilmu iaitu sains dan sastera. Jelas dapat dilihat bahawa adanya penerapan sains ‘biologi’ dalam puisi seperti yang dijelaskan dalam perbincangan tersebut.

Menghayati komentar dan ulasan Laporan Hakim Sayembara Puisi Kata-Pilar 1.0 (2018) terhadap kumpulan puisi Parabel Tubuh yang memenangi Finalis Sayembara Kata-Pilar juga melibatkan sains dalam karya. Keluarbiasaan Parabel Tubuh ialah penggunaan istilah saintifik yang tidak membekukan estetika puisinya. Manuskipri Parabel Tubuh ini berjaya menggabungkan dua kutub kata iaitu kata saintifik dan kata sastera dalam pengucapan puisinya. Disebutkan lagi keunikan manuskipri ini, apabila mengaplikasikan konsep sains berkaitan perubatan, anatomi, dan psikiatri sebagai perbandingan dalam menyampaikan isu. Kebanyakan puisi yang menggunakan jargon sains

terlihat janggal dan memaksa, namun kumpulan puisi Parabel Tubuh dilihat sangat menguasai ranah sainsnya. Manuskrip ini juga dilihat mempunyai gaya keperibadian tersendiri dengan kekuatan kepenyairan objektivisme yang sangat berbeza. Walaupun terdapat pelbagai keunikan terhadap kumpulan puisi ini, namun konsep anatomi yang diaplikasi terlihat begitu ketara serta dapat disampaikan dengan berkesan.

Sorotan dalam Dewan Sastera, tulisan Rosli K. Matari (2023) yang berjudul Puisi Sains dan Teknologi: Bagaimana Seharusnya? Bahagian 1 ini mengupas tentang puisi sains. Melalui sudut pandang beliau, genre puisi sains dan teknologi semakin berkembang. Perkembangannya dilihat dari sudut penghasilan karya-karya yang memasukkan maklumat-maklumat sains. Bidang sains secara asasnya mempunyai pengkhususan tersendiri dari segi takrifan, konsep, jenis dan ciri-ciri. Takrifan puisi sains menjurus kepada puisi yang khusus mengungkapkan pemikiran dalam ruang lingkup bidang atau aspek yang berkait dengan sains tersebut. Walaupun puisi sains ini menghala kepada objektif sainsnya, namun nilai kesenian dan keindahan dapat dilahirkan serta tidak boleh dipisahkan dalam puisi sains. Hal ini dikatakan demikian kerana puisi sains dapat berupaya menggabungkan sains dengan puisi iaitu sastera seni.

Sambungan daripada perbincangan tersebut, Rosli K. Matari (2023) dalam Dewan Sastera sekali lagi memanjangkan perbincangannya tentang puisi sains dengan judul Puisi Sains dan Teknologi: Bagaimana Seharusnya? Bahagian 2. Beliau memberikan contoh puisi Goenawan Mohamad untuk sebaik-baik rujukan bagi merenung kebijaksanaan kreativiti yang menggabungkan elemen sains dalam keindahan pengucapan puisi. Beliau juga mengatakan bahawa penciptaan puisi sains yang mampu mempamerkan nilai kemanusiaan sudah tentulah lebih terpuji seginya.

Berdasarkan pengamatan sorotan kajian tersebut, penelitian kajian yang melibatkan unsur, anatomi dan sains sudah diberi perhatian oleh pengkaji-pengkaji, namun penelitian unsur anatomi yang hadir daripada penulis berlatar bidang sains dilihat sebagai satu kelompongan kajian. Hal ini dikatakan demikian kerana, kajian ini ingin melihat bagaimana penulis yang hadir dari latar bidang yang berbeza menerapkan konsep-konsep sebegini dalam karyanya. Kelompongan dan perbezaan sudut kajian menyebabkan kajian ini relevan untuk diteruskan menerusi keunikan yang dimiliki kumpulan puisi Parabel Tubuh seperti yang disebutkan dalam

Laporan Hakim Sayembara Puisi Kata-Pilar 1.0 iaitu mengaplikasikan konsep anatomi perbandingan dalam menyampaikan isu dan ideanya. Kajian ini akan meneliti apakah unsur-unsur anatomi yang terkandung dalam puisi-puisinya dan bagaimanakah unsur-unsur anatomi ini dikenalpasti dan diketengahkan dapat mempamerkan keindahan sesuai dengan takrifan sastera yang mementingkan keindahan. Dua objektif yang ditetapkan dalam kajian ini ialah mengenal pasti unsur anatomi yang terdapat dalam kumpulan puisi Parabel Tubuh dan menganalisis unsur anatomi berdasarkan perspektif estetika.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah analisis teks dan kepustakaan. Pengkaji memilih kumpulan puisi Parabel Tubuh karya Taufiq Roslan yang diterbitkan oleh Penerbit Kata Pilar. Kriteria pemilihan bahan ini berdasarkan keistimewaan yang terdapat dalam Laporan Hakim Sayembara Puisi Kata-Pilar 1.0 (2018), keluarbiasaan Parabel Tubuh ialah penggunaan istilah saintifik yang tidak membekukan estetika puisinya. Manuskrip Parabel Tubuh berjaya menggabungkan dua kutub kata iaitu kata saintifik dan kata sastera dalam pengucapan puisinya. Disebutkan lagi keunikan manuskrip ini, apabila mengaplikasikan konsep sains berkaitan perubatan, anatomi, psikiatri sebagai perbandingan dalam menyampaikan isu. Kebanyakan puisi yang menggunakan jargon sains terlihat janggal dan memaksa, namun kumpulan puisi Parabel Tubuh dilihat sangat menguasai ranah sainsnya. Manuskrip ini juga dilihat mempunyai gaya keperibadian tersendiri dengan kekuatan kepenyairan objektivisme yang sangat berbeza. Walaupun Parabel Tubuh memiliki pelbagai keunikan, tetapi konsep anatomi yang dipamerkan begitu ketara dalam penciptaan puisinya.

Kumpulan puisi Parabel Tubuh mengandungi sejumlah 52 puisi, namun kajian ini membataskan kepada puisi-puisi yang melibatkan unsur-unsur anatomi sahaja sebagai penelitian kajian. Unsur-unsur anatomi ini dikenal pasti berdasarkan penanda bahasa iaitu ayat dan diksi. Unsur-unsur anatomi yang digunakan juga mampu meninggalkan kesan keindahan dalam pengucapan puisinya. Bagi memenuhi dua objektif kajian yang ditetapkan iaitu mengenal pasti unsur-unsur anatomi dalam kumpulan puisi Parabel Tubuh dan menganalisis unsur anatomi berdasarkan perspektif estetika. Pengkaji menemukan tujuh unsur anatomi yang

digunakan seperti struktur mata, tubuh, jantung, kepala, gigi, telinga dan lidah. Unsur anatomi dijadikan sebagai konsep dalam menyampaikan

perbandingan idea atau isu. Berikut merupakan jadual unsur anatomi yang terkandung kumpulan puisi tersebut.

JADUAL 1 Unsur anatomi dalam puisi

Bil	Unsur Anatomi	Judul Puisi	Halaman
1	Mata	ikan dalam mata	15
		pertemuan di kiasmata	17
		lensa dan anak mata	28
2	Jantung	jantung kota; kuala yang berlumpur sejasad ghazzah	18 43
3	Tubuh	angkasa dalam tubuh	21
4	Otak	kota serebrum	22
5	Gigi	seperti gigi tersusun rapat dikau sahabat	48
6	Telinga	bunyi terasing	50
7	Lidah	bukan sekadar fonologi	103

ESTETIKA

Estetika merujuk kepada cabang ilmu yang membincangkan falsafah seni yang berkait dengan keindahan. Istilah estetika berasal daripada perkataan Yunani iaitu *aesthesia* iaitu perasaan atau sensitiviti. Keindahan adalah unsur terpenting yang terkandung dalam sesebuah karya kesusastraan, kerana keindahanlah yang menjadi pengukurnya (Muhammad Haji Salleh 2000: 235). Keindahan ini terletak pada kekuatan bahasa yang padat tetapi ia dipersembahkan dengan gaya serta cara yang indah. Oleh itu, memahami estetika itu harus menyelami makna keindahan yang terkandung dalam sebuah karya (Ruzaini Awang 2022). Berdasarkan pandangan-pandangan tokoh tersebut, keindahan atau estetika dalam konteks kajian ini terletak pada gaya ataupun cara penulis mempersempahkan idea dalam puisi. Keindahan ini terjelma pada unsur anatomi yang digunakan sebagai corak persembahan idea dalam puisi kepada khalayak.

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

Struktur mata, jantung, tubuh, kepala, gigi, telinga dan lidah ialah unsur-unsur anatomi yang digunakan oleh Taufiq Roslan sebagai konsep dalam menyampaikan isu dalam puisinya. Unsur-unsur anatomi yang digunakan dalam puisi tidak sekadar perbandingan dalam menyampaikan idea tetapi ia juga mampu meninggalkan kesan keindahan pada puisi yang dihasilkan. Analisis dan perbincangan ini akan dijelaskan seperti berikut:

MATA

Unsur anatomi yang diaplikasikan dalam kumpulan puisi Parabel Tubuh ialah Mata. Mata merujuk kepada alat pancaindera yang terletak pada bahagian muka manusia yang digunakan untuk melihat (Kamus Dewan Edisi Keempat). Sinonimnya pancaindera penglihatan ini berkeupayaan menangkap dan menyimpan momen-momen. Penulis menggunakan unsur mata ini sebagai simbol untuk mengungkapkan perasaan cintanya. Perhatikan bagaimana penulis mengaplikasikan unsur mata dalam puisi berjudul Ikan dalam Mata di bawah:

sedaya kita sunyikan
beburung cinta di sangkar dada
sehingga terlupa, **diam mata**
adalah dingin kolam, dalamnya
ada ikan sedang petah berbicara
meluahkan segala rahsia jiwa!

(Ikan dalam Mata, hlm 15)

Memahami rangkap puisi tersebut, dapat dilihat penulis menggunakan unsur anatomi ‘mata’ yang tepat dalam mengungkapkan tentang sesebuah perasaan yang dirasainya. Hal ini dikatakan demikian kerana melalui matalah segalanya bermula. Mata yang menangkap setiap momen lalu disunyikan dalam dada. Mata juga sebagai pintu ataupun jendela utama. Jendela atau pintu inilah, gerbang pertama yang membuka dan menerima momen-momen. Kajian daripada Universiti Toronto mendapati bahawa unsur mata mampu menghubungkan tarikan dan keterikatan (Roshan Thiran 2018). Justeru itu, dalam puisi Ikan dalam Mata, penulis mengibaratkan

mata sebagai sebuah kolam dingin yang menyimpan ikan yang ingin mengungkapkan perasaannya yang terikat. Dari perspektif estetika, keindahan dikesan melalui gaya penulis mengungkapkan perasaannya cinta dengan kreatif. Penggunaan unsur mata yang tepat sebagai simbol idea telah mempamerkan keindahan yang puitis dalam penciptaan puisi.

Hal yang sama ditemukan dalam puisi berjudul Pertemuan di Kiasmata. Penulis menggunakan unsur mata untuk mempamerkan bagaimana mata mampu menangkap segala perubahan momen yang terjadi dalam hidup seseorang. Perhatikan unsur mata dalam petikan puisi di bawah:

alam tercipta;
berubah arah dan rupa
pada sesaat pertemuan kita

di balam cahaya
aku hanya pengusung songsangnya renung
masih di simpang sini, angan ilusi bersama

...

(Pertemuan di Kiasmata, hlm 17)

Puisi ini menjelaskan setiap alam yang tercipta, pasti berubah sama ada dari segi arah atau rupa. Perubahan yang berlaku disebabkan oleh peredaran masa. Setiap sesuatu yang kita temukan pasti berubah pada saat pertemuan itu kembali. Berdasarkan petikan “masih di simpang sini” menunjukkan bahawa betapa penulis begitu memahat momen pertemuan tersebut. Di sini, dapat diperhatikan, penulis menggunakan unsur yang tepat untuk menjelaskan ilusi pertemuannya. Keindahan dalam puisi ini terletak pada gaya penulis mengungkapkan mata sebagai alat yang merakam pertemuan dengan cara yang halus dan teliti.

Penggunaan unsur anatomi yang tepat iaitu mata juga ditemukan dalam puisi berjudul Lensa dan Anak Mata. Perhatikan petikan puisi-puisi tersebut:

i
duhai, apakah jarak
pencipta dan tuhannya.

...

ii
di sujud terakhir
jarak lensa dan anak mata
lebur pupus dipeluk tiada.

(Lensa dan Anak Mata, hlm 28)

Dalam puisi ini, penulis menggunakan unsur mata untuk mengungkapkan tentang hubungan antara hamba dengan Pencipta iaitu mata merupakan nikmat dan anugerah yang besar kepada seseorang hamba yang dikurniakan oleh Pencipta-Nya iaitu

Allah SWT. “Jarak lensa dan anak mata” dalam puisi ini menggambarkan betapa Allah SWT itu sentiasa dekat dengan hambanya. Dapat dilihat bagaimana penulis kreatif memanfaatkan unsur anatomi untuk mengetengahkan idea dalam puisinya sehingga menimbulkan perasaan sayu. Keindahan puisi ini terletak pada keberhasilan penulis menggunakan unsur mata yang tepat untuk menyatakan hubungan hamba dengan penciptanya dengan cukup berkesan.

JANTUNG

Jantung termasuk unsur anatomi yang dijelmakan dalam kumpulan puisi Parabel Tubuh. Jantung merupakan organ berotot yang mengepam darah ke seluruh badan; debar (Kamus Dewan Edisi Keempat). Dalam tubuh manusia, jantung antara struktur organ yang terpenting. Jantung berfungsi mengepam dan menyalurkan darah ke seluruh tubuh. Hayati puisi berjudul Jantung Kota; Kuala yang Berlumpur di bawah dan perhatikan bagaimana penulis mengungkapkan unsur jantung dalam puisinya:

jantung terpenting untuk semua, kota ini
tidakkan pernah berhenti, **kencang berdegup!**

demi waktu mendesak, keperluan oksigen memuncak
setiap sesak atria, ventrikular; adanya darah nan sarat
menjunjung nafas pulang ke sel destinasi
yang semakin **ber-gergas**.

...

(Jantung Kota; Kuala yang Berlumpur, hlm 18)

Menerusi puisi ini, penulis menggunakan organ jantung untuk melambangkan jantung sebagai kota; sesebuah tempat. Jantung sinonimnya memiliki gerakan seperti ‘degup’. Penulis mengimejkan jantung sebagai kota yang sentiasa hidup, maju, berkembang dan sibuk. Berdasarkan bait-bait “kota ini tidakkan pernah berhenti, kencang berdegup” menunjukkan bahawa kota itu sebuah tempat yang tidak pernah tidur. Betapa kota mempunyai sisi ‘kesibukan’. Petikan “yang semakin ber-gergas” ini juga menunjukkan bahawa kota ialah tempat yang sentiasa berkembang dengan pembangunan. Jelas dapat diperhatikan bagaimana penulis menggunakan mata sebagai unsur anatomi dalam mengungkapkan ideanya. Keindahan dalam puisi ini dikesan melalui kekreatifan penulis dalam mengolah ideanya. Penggunaan unsur jantung yang tepat untuk mempamerkan sesebuah kota yang pesat memperlihatkan kesesuaian dengan dixi yang dipilih “ber-gergas”. Jelas, unsur anatomi iaitu

jantung yang digunakan dalam puisi ini mampu meninggalkan kesan keindahan.

Kemudian, perhatikan puisi Sejasad Ghazzah yang juga mengetengahkan unsur jantung dalam menyampaikan isu.

rahangmu tidak pernah letih mengunyah peluru misil
sehingga menjadi sel-besi- mengganti darah dagingmu
darah atar mengharum di salur arteri; mengusung redha
terus ke serat jantung- didegup laju doa seluruh ummah
serta para malaikat yang setia menadah.

...

(Sejasad Ghazzah, hlm 43)

Judul Sejasad Ghazzah, bersemesta nama Gaza di Palestin. Penulis menggunakan unsur jantung untuk memvisualkan peristiwa yang terjadi di negara Islam tersebut. Jantung yang berdegup ialah doa dan doa ialah senjata yang tajam bagi orang-orang yang beriman. Bait-bait “rahangmu tidak pernah letih mengunyah peluru misil”, “sehingga menjadi sel-besi- mengganti darah dagingmu” betapa menghantar makna pedih dan sengsara yang dialami oleh saudara Muslim di sana. Bersumberkan doa, mereka memohon kemenangan dan kebebasan. Melalui puisi ini juga, dapat dilihat bagaimana unsur jantung dipersembahkan secara berkesan. Keindahan dalam puisi ini terletak pada kehalusan bahasa yang dipilih oleh penulis untuk menghantar emosi yang kuat di bait-bait “darah atar mengharum di salur arteri”.

TUBUH

Unsur anatomi yang diaplikasikan dalam puisi seterusnya ialah tubuh. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, tubuh mewakili badan keseluruhan jasad manusia yang kelihatan. Dalam konteks ini, penulis melambangkan tubuh sebagai sebuah ruang angkasa. Perhatikan bait-bait puisi berjudul Angkasa dalam Tubuh berikut:

kita berkejarian di pantai **komet**, diikuti **ribuan stelar-jiwa**
orbit mengelilingi tubuh, di mana **bintang** kita setia menari
walau tidak seiringan, masih indah berkelip tidak terperi.

anak-anak **meteor** bersungguhan mengendong
limpahan harapan
menjunjung **segalaksi** hajat! malah, **lubang hitam**
sudi memendam
luka-luka terdalam, lihat sahaja, **belantik** turut
menemani pelayaran

...

(Angkasa dalam Tubuh, hlm 21)

Penulis mengimajasikan tubuh sebagai ruang angkasa iaitu angkasa merupakan tempat yang memiliki orbit, komet, bintang dan sebagainya. Penulis menggunakan anatomi tubuh ini untuk mengisi elemen-elemen yang terdapat di angkasa seperti “komet”, “stelar”, “orbit”, “bintang”, “meteor”, “galaksi”, “lubang hitam” dan “belantik” dalam pembikinan puisinya. Penulis menggunakan konsep yang sesuai dengan idea yang ingin dipersembahkan dalam puisi. Berdasarkan puisi ini, pengkaji dapat mengesan keindahannya terjelma dari segi kekreatifan penulis mengolah idea.

OTAK

Unsur anatomi seterusnya yang dikenal pasti dalam kumpulan puisi Parabel Tubuh ialah otak. Otak ialah organ di bahagian atas kepala, mengawal pemikiran iaitu alat berfikir (Kamus Dewan Edisi Keempat). Otak digunakan untuk berfikir, tempat yang menyimpan segala memori dan maklumat. Sinonimnya, otak antara organ yang aktif digunakan oleh manusia. Berdasarkan puisi di bawah, perhatikan bagaimana penulis mengungkapkan idea dengan menggunakan unsur anatomi tersebut:

di sini, terletak kota purba tidak terlakar pada peta
atau sejarah yang dipuja-puja. daripada serpihan
pudar artifik **memoir** dari dasar hitam Laut Semalam
di sesat sumpah Belantara Harapan, di puncak kabur
Gunung Sangkaan- terbukti pada suatu kala, kota ini
pernah bermahkota kilau kegemilangan. pernah.

...

(Kota Serebrum, hlm 22)

Otak manusia terbahagi kepada tiga bahagian iaitu serebrum, medula oblongata dan cerebelum. Serebrum merupakan bahagian depan otak vertebrat yang mengawal pemikiran, persepsi (Kamus Dewan Edisi Keempat). Pada bahagian serebrum inilah, penulis menyimpan maklumat atau sejarah. Petikan “di sini, terletak kota purba tidak terlakar pada peta” mempamerkan bahawa serebrum ialah sebentuk kunci yang menyimpan memoir tentang sejarah. Penulis mengetengahkan fungsi yang terdapat pada serebrum untuk menyampaikan ideanya dalam puisi. Justeru, keindahan dalam puisi ini terpamer pada kesesuaian konsep idea yang penulis masukkan dalam puisi.

GIGI

Gigi juga unsur anatomi yang terkandung dalam Parabel Tubuh. Dalam Kamus Dewan Edisi Keempat, gigi mempunyai struktur keras yang menyerupai tulang, tumbuh pada gusi yang digunakan untuk menggigit. Unsur gigi ini diaplikasikan dalam puisi untuk mengetengahkan ideanya tentang persahabatan. Perhatikan bagaimana penulis menyesuaikan unsur tersebut dengan mengatur diksi-diksi dalam puisi seperti Seperti Gigi Tersusun Rapat Dikau Sahabat berikut:

...
dikau hadir, sahabat
sebagai **molar gigi**, membentengi ribut
menggunung-ganang, teguh petaka dihalang
memasak banjaran **rahang!** di puncaknya
harapan kauputikkan berbunga-bunga
mengharumi nafas seterusnya
memutuhi pudar cita!
...

(Seperti GigiTersusun Rapat Dikau Sahabat, hlm 48)

Penulis menggunakan unsur ‘gigi’ untuk melambangkan sebentuk kekuatan yang terdapat dalam sebuah persahabatan. Gigi dalam konteks puisi ini juga sebagai simbolik keakraban. Ciri-ciri yang terdapat pada struktur gigi iaitu dekat, bersusun, rapat, keras menunjukkan kekuahan, keakraban, saling memerlukan yang terdapat dalam persahabatan. Oleh itu, sahabat seiring dengan seseorang yang sering melakukan pengorbanan dan sentiasa ada untuk sahabatnya. Hal ini dapat dihayati dalam bait-bait “sebagai molar gigi, membentengi ribut” “menggunung-gunung, teguh petaka dihalang”. Dalam puisi ini, keindahan terjelma daripada kekreatifan penulis dalam mempersempahkan idea dalam puisi tersebut. Dengan mengaplikasikan anatomi gigi, penulis dapat mengutarakan pemikirannya tentang sebuah persahabatan yang akrab.

TELINGA

Telinga juga antara unsur anatomi yang diterapkan dalam kumpulan puisi Parabel Tubuh. Telinga ditakrifkan sebagai pancaindera yang digunakan untuk mendengar iaitu posisinya di kiri dan kanan kepala manusia (Kamus Dewan Edisi Keempat). Telinga sinonim dengan pendengaran. Telinga berkeupayaan menangkap segala bunyi yang muncul. Penulis menggunakan unsur telinga ini untuk mengungkap tentang bunyi-bunyi yang didengarnya. Perhatikan puisi berjudul Bunyi Terasing berikut:

tiktok waktu di dinding khusuk kuhayati tika menunggumu
pulang ke sisi— melodinya masih dapat kupisah-beza;

dari *tingtong* tangisan awan lebat bergendangan di bocor zink
dari *laladidadi* radio lama, sentimental balada tentang esak
rindu
dan serak derita

juga pada *taptap* kasutmu
perlahan, pergi
menjadi bunyi terasing
tenggelami bunyi-bunyi yang lain.

(Bunyi Terasing, hlm 50)

Penulis menggunakan unsur telinga untuk menyampaikan kesan bunyi yang ditangkap oleh pendengarannya. Menerusi puisi di atas, dapat dilihat, telinga mempunyai fungsi yang unik. Telinga mampu mengesan bunyi-bunyi yang ada di sekeliling. Bunyi-bunyi yang didengar oleh telinga cukup memberi kesan penghayatan kepada penulis. Dengan menggunakan fungsi pendengaran, penulis menangkap setiap bunyi yang ada di sekelilingnya “tiktok”, “tingtong”, “laladidadi” dan “taptap” kesemuanya meninggalkan kesan bunyi yang dalam dan kuat pada puisi. Setiap bunyi-bunyi tersebut dihayati dengan halus dan dipamerkan dalam puisi sehingga meninggalkan kesan keindahan kepada pembaca. Dapat dilihat betapa telinga merupakan deria pendengaran yang tajam. Pengkaji dapat lihat kekreatifan penyair dalam mengetengahkan idea dengan menggunakan unsur telinga tersebut. Keindahan puisi ini dilihat bagaimana unsur telinga merakam segala bunyi-bunyi yang menimbulkan kesan yang kuat.

LIDAH

Lidah juga antara unsur anatomi yang dijelmakan dalam Parabel Tubuh. Dalam Kamus Dewan Edisi Keempat, lidah ialah bahagian di dalam mulut boleh digerakkan sebagai alat perasa dan bercakap. Manusia menggunakan lidah untuk bertutur dan menuturkan sesuatu. Perhatikan bagaimana penulis mempersempahkan ideanya dengan menggunakan unsur lidah dalam puisi di bawah:

i
hati-akalmu deras sungai mengalir
sedang lidah adalah bocor empangan
saudara, ketahuilah! Aku ketagihan
meneguk dingin jernih
setiap abjad
di muara bibirmu.
...

(Bukan Sekadar Fonologi, hlm 103)

Memahami rangkap puisi berjudul Bukan Sekadar Fonologi ini, dapat dilihat bahawa lidah ialah alat pertuturan yang aktif. Hal ini dikesan pada petikan “sedang lidah adalah bocor empangan”. Setiap pesanan, nasihat atau kata-kata yang baik yang diucapkan kepada seseorang, mampu memberikan manfaat kepada orang lain. Frasa “aku ketagihan meneguk dingin jernih” menunjukkan nasihat atau pandangan yang baik, menyebabkan seseorang itu sentiasa ingin mendengarkannya. Keindahan dalam puisi ini terletak pada kehalusan bahasanya dan penggunaan konsep anatomi iaitu lidah yang tepat.

KESIMPULAN

Struktur mata, jantung, tubuh, otak, gigi, telinga, dan lidah antara unsur anatomi yang diketengahkan dalam kumpulan puisi Parabel Tubuh sebagai konsep untuk menyampaikan ideanya. Unsur anatomi yang diaplikasikan juga diolah sebagai teknik sehingga Parabel Tubuh berupaya memperkenalkan gaya penyampaian yang tersendiri dan segar. Tidak hairanlah kumpulan puisi Parabel Tubuh

Rabiatal Nur Naajwa Hassan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
E-mel: rabiatalnurnaajwa8@gmail.com
Pengarang koresponden

Arba'ie Sujud
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
E-mel: arbaie@upm.edu.my

Rahimah Hamdan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
E-mel: rahimahh@upm.edu.my

mempunyai sisi dinamik yang didominasi oleh unsur anatomi. Pengetahuan sainsnya dimanfaatkan dalam karya kreatif dengan menyatukan sains dan sastera dalam puisi. Hal ini bersesuaian dengan latar belakang penyair Taufiq Roslan yang hadir dari latar bidang sains pertuturan di Universiti Kebangsaan Malaysia. Kajian ini diharapkan dapat menambah sudut penerokaan terhadap puisi-puisi di tanah air.

RUJUKAN

- Daniel S. Wibowo. 2009. *Anatomi Tubuh Manusia*. Yogyakarta: Grasindo.
- Frankie Latiti. 2022. Unsur perubatan tradisional dalam novel penulis Sarawak. *Utusan Borneo Online*.
- Muhammad Haji Salleh. 2000. *Puitika Sastera Melayu*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nabilah Mohd Nasir, Ghazali Din & Abdul Razak. 2020. Unsur kosmos dalam kumpulan puisi Selamat Pulang Juita karya Muhammad Haji Salleh. *Muallim Journal of Social Science Humanities Online* 4(4): 97-112.
- Nazmi Yaakub. 2017. Kumpulan Puisi Cikgu Biologi Sarat Istilah Sains. *Berita Harian*.
- Noor Hasnoor Mohamad Nor. 2017. Metafora Anatomi dalam Bahasa Melayu. *Tesis PhD. Universiti Malaya*.
- Ramzah Dambul. 2021. Bagaimana Sains Meramu dan Mengadun Kulinari Sastera? *Devan Sastera*.
- Roshan Thiran. 2018. Pengaruh penting untuk kejayaan kepimpinan. *Utusan Borneo online*.
- Rosli K. Matari. 2023. Puisi sains dan teknologi: bagaimana seharusnya? Bahagian 1 *Devan Sastera*.
- Rosli K. Matari. 2023b. Puisi sains dan teknologi: bagaimana seharusnya? Bahagian 2. *Devan Sastera*.
- Rosnani Md Zain & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. 2019. Unsur Sains dan Sastera dalam Novel Remaja Terpilih. *Jurnal Bahasa, Pendidikan dan Sastera Melayu* 10: 166-182.
- Ruzaini Awang. 2022. Bahasa dan Sastera Mempunyai Nilai Estetik? *Tunas Cipta*.
- Taufiq Roslan. 2018. *Kumpulan Puisi Parabel Tubuh*. Terengganu: Kata-Pilar.
- Tukang Puisi. 2018. *Laporan Hakim Sayembara Puisi Kata Pilar 1.0*. Terengganu: Kata-Pilar.